



DASAR KESUKARELAWANAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Dasar Kesukarelawanan ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi panduan asas kepada warga Universiti merangkumi staf dan pelajar dalam pelaksanaan kerja-kerja khidmat masyarakat dan aktiviti kesukarelawanan yang dianjurkan oleh Universiti mahupun pihak luar.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 **'APM'** bermaksud Angkatan Pertahanan Awam malaysia
- 2.2 **'ATM'** bermaksud Angkatan Tentera Malaysia
- 2.3 **'Bencana'** bermaksud suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemasuhan alam sekitar.
- 2.4 **'BSMM'** bermaksud Bulan Sabit Merah Malaysia
- 2.5 **'Dasar'** bermaksud Dasar Kesukarelawanan.
- 2.6 **'JKR'** bermaksud Jabatan Kerja Raya
- 2.7 **'JKM'** bermaksud Jabatan Kebajikan Masyarakat
- 2.8 **'JPBM'** bermaksud Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 2.9 **'Kesukarelawanan'** bermaksud sebarang kegiatan yang melibatkan penyediaan perkhidmatan yang dianjurkan oleh Universiti atau anjuran luar yang dilaksanakan melalui kebenaran Universiti tanpa diharapkan keuntungannya iaitu secara sukarela oleh individu atau kumpulan yang dilantik di bawah sebuah jawatankuasa persatuan mahupun kelab untuk memberi manfaat kepada individu, kumpulan atau organisasi lain.
- 2.10 **'Pelajar'** bermaksud seseorang pelajar berdaftar yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada mana-mana peringkat sama ada persediaan, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah sama ada sepenuh masa atau separuh masa di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 2.11 **'PDRM'** bermaksud Polis DiRaja Malaysia
- 2.12 **'RELA'** bermaksud Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
- 2.13 **'SMART'** bermaksud Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia
- 2.14 **'Sukarelawan'** bermaksud individu atau kumpulan yang melakukan sebarang kegiatan dengan rela, ikhlas tanpa paksaan daripada mana-mana pihak tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran agar dapat memberi manfaat kepada pihak lain yang tediri daripada pelajar dan staf.
- 2.15 **'Staf'** bermaksud staf Universiti yang dilantik secara tetap, sementara, kontrak dan bertaraf warganegara Malaysia serta bukan Warganegara.

- 2.16 ‘**TM**’ bermaksud Telekom Malaysia Berhad
- 2.17 ‘**TNB**’ bermaksud Tenaga Nasional Berhad
- 2.18 ‘**Universiti**’ bermaksud Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menjadi panduan kepada warga Universiti dalam usaha membantu dan memberi sokongan bagi memenuhi keperluan sosial dan kebajikan warganya mahupun komuniti setempat.
- 3.2 Menggalakkan kerjasama dan sumbangan komuniti bersama warga Universiti dalam aktiviti kesukarelawanan yang dilaksanakan.
- 3.3 Mengenalpasti keperluan sokongan sosial komuniti dan menggalakkan persekitaran kondusif hidup bermasyarakat dengan memperkasakan budaya penyayang dan semangat solidariti kemasyarakatan.
- 3.4 Menyediakan nilai tambah kepada masyarakat setempat dengan peningkatan visibiliti Universiti sebagai sukarelawan yang mampu menghulurkan bantuan tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

4.0 BENTUK-BENTUK KERJA SUKARELAWAN

Aktiviti atau program sukarelawan boleh disumbangkan dengan pelbagai bentuk seperti berikut:

4.1 Masa

- 4.1.1 Jangka masa pendek : Kurang dari tempoh satu (1) minggu
- 4.1.2 Jangka masa sederhana : Satu (1) minggu ke satu (1) bulan
- 4.1.3 Jangka masa panjang : Melebihi tempoh satu (1) bulan

4.2 Ilmu Pengetahuan / Kemahiran / Kepakaran / Pengalaman

- 4.2.1 Bentuk kerja sukarelawan yang merangkumi aspek ilmu pengetahuan / kemahiran / kepakaran / pengalaman adalah melibatkan pemindahan ilmu pengetahuan berdasarkan pengalaman, kemahiran atau kepakaran yang dimiliki individu mahupun berkumpulan yang diberikan dalam bentuk latihan, program, penghasilan produk serta proses kerja baharu yang dapat meningkatkan kesejahteraan, sosioekonomi, pendidikan atau apa-apa kebaikan yang memberi impak kepada sesebuah kumpulan dan masyarakat.
- 4.2.2 Tahap penarafan program sukarelawan adalah diperincikan seperti berikut:

Taraf	Diskripsi	Impak	Indikator	Sekretariat
5 ★★★★★	Penghakupayaan	Kesejahteraan masyarakat dan peningkatan kualiti persekitaran Kelestarian amalan inovasi Memperkasa amalan inovasi	Masyarakat / peserta mengendalikan perubahan secara berdikari tanpa penglibatan UTHM <i>*Program berterusan dan berkala (maksimum 2 atau 3 tahun)</i>	Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC)
4 ★★★★	Perubahan amalan	Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangan kos	Masyarakat / peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya <i>*Program berterusan dan berkala (maksimum 1 tahun)</i>	Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC)
3 ★★★	Perubahan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi (PSKA)	Program tindakan masyarakat membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada masyarakat	Masyarakat / peserta Menunjukkan peningkatan pengetahuan, kemahiran serta perubahan sikap dan aspirasi <i>*Program berterusan dan berkala (maksimum 1 tahun)</i>	Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC)
2 ★★	Sokongan dan Penglibatan	Masyarakat membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan masyarakat Hubungan strategik masyarakat / organisasi	UTHM melaksanakan program bersama masyarakat / peserta	Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO)
1 ★	Jalinan Hubungan	Masyarakat bertanggapan positif terhadap UTHM dan program tindakan masyarakat	Pengukuhan hubungan UTHM-masyarakat / peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, email dan lain-lain	Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO)

4.3 Material

Bagi aspek material boleh diklasifikasikan dalam bentuk kewangan, sumbangan secara in-kind, produk atau sesuatu yang boleh dilihat dan digunakan terus oleh pihak yang menerimanya.

4.4 Tenaga

Kerja sukarelawan dalam bentuk tenaga adalah melibatkan aktiviti khidmat masyarakat seperti program pasca banjir yang melibatkan sekumpulan sukarelawan bagi membantu kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terjejas.

5.0 PRINSIP ASAS KESUKARELAWANAN

Setiap sukarelawan Universiti perlu mempunyai prinsip asas kesukarelawanan yang menjadi teras dalam melakukan sesuatu tindakan ataupun membuat sebarang keputusan. Antara prinsip asas yang digariskan adalah seperti berikut:

5.1 Sentiasa bersedia berkongsi maklumat, pengetahuan dan kemahiran.

Semua sukarelawan Universiti mestilah bersikap terbuka dan sedia untuk berkongsi apa jua sumbangan tanpa menghiraukan usia atau latar belakang dalam bentuk yang wajar dan sesuai berdasarkan aktiviti atau program yang disertai.

5.2 Memberikan komitmen atau perkhidmatan tanpa pilih kasih atau diskriminasi.

Prinsip ini menekankan bahawa pemberian komitmen atau sumbangan perlu diberikan tanpa pilih kasih agar kepentingan khusus dapat diutamakan. Sebarang diskriminasi berdasarkan agama, kepercayaan, bangsa, warna kulit, jantina, adat resam dan sebagainya juga perlu dielakkan supaya objektif sesuatu aktiviti mahupun program dapat dicapai dengan jayanya.

5.3 Menyumbangkan tenaga, sumber dan komitmen tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran material.

Di dalam kerja-kerja sukarelawan, segala sumbangan dalam apa jua bentuk hendaklah disumbangkan dengan ikhlas tanpa mengharapan sebarang ganjaran.

5.4 Melibatkan pihak yang berkaitan dalam membuat sebarang keputusan atau tindakan.

Kumpulan sasaran bagi sesuatu aktiviti dan program sukarelawan perlu dilibatkan dalam sebarang keputusan atau tindakan supaya mereka akan bersama-sama dalam melakukan sebarang perubahan yang dilaksanakan oleh kumpulan sukarelawan agar penambahbaikan dapat dilaksanakan secara berterusan yang memberi impak dalam jangka masa panjang.

5.5 Setiap orang memiliki hak untuk menyumbang tanpa ada monopoli.

Semua staf dan pelajar Universiti berhak untuk menyumbang sebarang bentuk sumbangan dalam aktiviti atau program sukarelawan yang melibatkan komuniti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Prinsip ini tidak

mengehadkan kepada sesuatu golongan sama ada peringkat sokongan atau pun profesional.

6.0 ETIKA SUKARELAWAN

6.1 Etika Berpakaian

- 6.1.1 **Elak provokasi** – Sukarelawan adalah dilarang sama sekali untuk memakai sebarang pakaian yang melambangkan provokasi atau mewakili mana-mana parti politik yang boleh mengundang kepada imej yang tidak baik kepada Universiti.
- 6.1.2 **Keselamatan** - Pemilihan pemakaian juga perlu mengambil kira aspek keselamatan mengikut kategori tempat pelaksanaan aktiviti sukarelawan berkaitan.
- 6.1.3 **Seragam** - Pemakaian yang seragam sebagai satu kumpulan sukarelawan adalah sangat digalakkan bagi memudahkan sebarang kerja-kerja pasukan sepanjang program berlangsung.
- 6.1.4 **Sesuai dan Sopan** - Penetapan pemakaian perlu diselaraskan oleh setiap pengajar dalam menyesuaikan pakaian yang perlu dipakai berdasarkan aktiviti atau program yang ingin dilaksanakan agar memudahkan pergerakan kerja-kerja sukarelawan dan mestilah sentiasa dalam keadaan yang kemas dan sopan demi menjaga nama baik Universiti.
- 6.1.5 **Visibiliti** - Pemakaian pakaian yang seragam dengan logo Universiti adalah dimestikan bagi meningkatkan visibiliti Universiti sebagai sebuah Universiti yang prihatin dan sentiasa bergerak aktif dalam kerja-kerja sukarelawan.

6.2 Tatakelakuan Semasa Bertugas

- 6.2.1 **Bahasa yang baik** - Sukarelawan perlu menggunakan bahasa dan tatakelakuan yang sewajarnya semasa bertugas.
- 6.2.2 **Peka dan sensitif** - Sukarelawan mestilah sentiasa peka dan sensitif dengan kepelbagaiannya bahasa, budaya dan agama serta tidak bersikap rasis, atau prejudis terhadap bangsa, agama, budaya bangsa yang berlainan.
- 6.2.3 **Profesional** - Sukarelawan perlulah sentiasa bersikap profesional dan neutral sepanjang bertugas. Sukarelawan tidak dibenarkan berpolitik, membuat kempen politik, mengedarkan sebarang bahan kempen politik atau seumpamanya sepanjang bertugas.
- 6.2.4 **Kerahsiaan** - Sukarelawan hendaklah sentiasa menjaga privasi dan kerahsiaan apa-apa maklumat sama ada melibatkan golongan yang dibantu atau maklumat berkaitan yang diperolehi semasa menjalankan tugas sukarelawan.
- 6.2.5 **Jujur** - Sukarelawan mestilah menjalankan tugas dengan jujur dan amanah.

- 6.2.6 **Elak kepentingan diri** - Sukarelawan tidak dibenarkan untuk menggunakan status sukarelawan untuk kepentingan diri sendiri termasuklah untuk tujuan perniagaan.
- 6.2.7 **Hadiah** - Sukarelawan dilarang menerima apa-apa hadiah daripada mana-mana individu yang menjurus kepada rasuah dan penipuan.

6.3 Keselamatan

- 6.3.1 **Taklimat Keselamatan** - Sekretariat setiap aktiviti atau program kesukarelawanan perlu mengadakan taklimat keselamatan kepada semua sukarelawan mengikut kesesuaian tempat.
- 6.3.2 **Patuh** - Sekiranya aktiviti sukarelawan adalah melibatkan kepada kejadian bencana, sukarelawan hendaklah mematuhi sebarang arahan yang dikeluarkan mengikut kawasan bencana masing-masing.
- 6.3.3 **Zon Hijau** - Sukarelawan Universiti hanyalah digalakkan untuk melibatkan diri kepada aktiviti sukarelawan di tempat yang dikategorikan sebagai **zon hijau sahaja** melainkan sukarelawan mempunyai sijil kompetensi lain yang membolehkan untuk melakukan kerja sukarelawan di zon kuning dan merah. Perincian zon yang telah digariskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) adalah seperti berikut:

Zon Merah	Kawasan kerja mencari dan menyelamat oleh Agensi Penyelamat Utama yang mempunyai kepakaran khas.
Zon Kuning	Kawasan penempatan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan pos-pos Agensi Penyelamat Utama dan Penyelamat Sokongan yang mempunyai kepakaran tertentu.
Zon Hijau	Kawasan penempatan Pusat Pengurusan Media, Pusat Keluarga Mangsa, Pusat Kaunseling, Tempat Bekalan Makanan dan berehat, Agensi Bantuan dan Pemulihan, Tempat Mayat dan Badan Sukarela.

Agensi-Agenzi dan Badan-Badan Sukarela yang terlibat secara langsung di tempat kejadian atau bencana dikategorikan seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	AGENSI
1.	Agensi Penyelamat Utama	SMART, PDRM, JBPM, ATM, Jabatan Perubatan Kecemasan dan mana-mana pasukan khas untuk menjalankan tugas bersama pasukan penyelamat utama.
2.	Agensi Penyelamat Sokongan	APM dan mana-mana pasukan khas yang boleh membantu dalam kerja-kerja mencari dan menyelamat.
3.	Agensi Bantuan dan Pemulihan	APM, RELA, JKR, JKM, TNB, TM, BSMM, JK Bencana Daerah Batu Pahat atau badan sukarela yang lain.

Rujukan : Perkara 29, Arahan No.20 MKN- Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara (Semakan Semula) dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) UTHM

- 6.3.4 **Kehilangan** - Sukarelawan dinasihatkan untuk tidak membawa bersama barang bernilai semasa bertugas. Kehilangan atau kecuaian barang peribadi adalah di bawah tanggungjawab sendiri.
- 6.3.5 **Kemalangan** - Sebarang kemalangan atau kecederaan hendaklah dilaporkan segera kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu misi kesukarelawan yang dianjurkan.
- 6.3.6 **Gangguan Seksual** - Sukarelawan yang mengalami gangguan seksual (verbal atau fizikal), ugutan, tingkah laku agresif atau keganasan hendaklah melaporkan dengan segera kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu misi kesukarelawan.

7.0 HAK SUKARELAWAN

- 7.1 **Penjelasan** - Sukarelawan Universiti berhak untuk mendapatkan penjelasan yang jelas tentang sesuatu misi atau tugas yang dijalankan agar objektif misi aktiviti sukarelawan dapat dicapai secara keseluruhan.
- 7.2 **Sesuai** - Sukarelawan Universiti berhak untuk diberikan tugas yang sesuai dengan minat atau kemahiran mereka secara individu agar mereka merasa lebih yakin dalam melaksanakan tugas serta memberi nilai tambah kepada organisasi bagi membantu golongan yang memerlukan.
- 7.3 **Bimbingan dan latihan** - Sukarelawan Universiti berhak dibimbing dan dilatih untuk melaksanakan tugas dalam aktiviti kesukarelawan agar setiap sukarelawan dapat mengendalikan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan dengan baik sama ada melibatkan aktiviti berisiko rendah dan tinggi.

- 7.4 **Kerahsiaan** - Sukarelawan Universiti berhak mendapat perlindungan kerahsiaan dari segi identitinya agar ianya tidak disalahguna oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

8.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI

- 8.1 **Kecederaan dan Kemalangan** – Sebarang risiko kemalangan atau kecederaan yang dialami oleh sukarelawan adalah di bawah tanggungjawab Universiti. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku apa-apa perkara yang bukan di bawah peranan dan tanggungjawab Universiti, ianya adalah tertakluk kepada tanggungjawab diri sendiri sepenuhnya.
- 8.2 **Kemudahan Perubatan** – Universiti turut menanggung sebarang kemudahan perubatan yang harus dilaksanakan oleh sukarelawan sekiranya kecederaan atau kemalangan diperolehi ketika sedang melaksanakan aktiviti kesukarelawanan.
- 8.3 **Galakan** - Universiti bertanggungjawab dalam memberikan galakan dan sokongan penuh kepada semua warga Universiti agar menyertai program dan aktiviti kesukarelawanan yang dianjurkan sama ada dianjurkan oleh pihak Universiti mahupun pihak luar.
- 8.4 **Pelepasan Tugas** - Tanpa menjelaskan fungsi Universiti, setiap Ketua Pusat Tanggungjawab atau Pengurusan Tertinggi mestilah bersedia untuk memberikan pelepasan kepada staf dan pelajar dan menyokong penuh dalam penyertaan aktiviti sukarelawan yang diadakan.
- 8.5 **Latihan dan Kursus** - Universiti melalui kerjasama dengan Pusat Tanggungjawab berkaitan bertanggungjawab dalam penyediaan latihan atau kursus kompetensi berkaitan kesukarelawanan agar peningkatan nilai dan kemahiran setiap warga Universiti dapat ditingkatkan kepada satu tahap yang lebih baik. Antara kursus yang digalakkan untuk dihadiri oleh sukarelawan Universiti adalah:
- 8.5.1 Kursus Pertolongan Cemas (Asas Bantu Mula)
 - 8.5.2 Kursus Pengurusan Bencana
- 8.6 **Dana dan Peralatan** - Universiti dan penganjur aktiviti kesukarelawanan bertanggungjawab dalam penyediaan dana, peralatan dan kos pengurusan setiap aktiviti sukarelawan agar aktiviti tersebut dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa ada sebarang masalah disebabkan kekurangan di dalam aspek tatakelola perkara berkaitan.
- 8.7 **Penghargaan** - Universiti bertanggungjawab dalam memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sukarelawan Universiti sama ada staf atau pelajar yang tidak tertumpu kepada bentuk material sahaja agar mereka rasa dihargai dan sumbangan mereka diiktiraf serta menggalakkan mereka untuk terus memberikan sumbangan kepada aktiviti kesukarelawanan.

- 8.8 **Penjenamaan** - Universiti bertanggungjawab dalam penyelarasan penjenamaan dan reputasi setiap aktiviti kesukarelawanan seperti penyediaan pakaian yang seragam kepada seluruh warga Universiti supaya visibiliti Universiti dapat dipertingkatkan dalam penyertaan aktiviti sukarelawan.

9.0 PEMATUHAN TATATERTIB UNIVERSITI

Sukarelawan Universiti adalah sentiasa tertakluk kepada peraturan tatatertib yang mentadbir tatakelakuan staf atau pelajar Universiti. Pelanggaran kepada mana-mana tatakelakuan sebagai staf atau pelajar Universiti boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] atau Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 [P.U.(A) 234].

10.0 KAJIAN SEMULA DAN SEMAKAN

Dasar ini akan sentiasa dilihat semula dalam memastikan ianya akan kekal relevan dan berkesan mengikut tempoh semasa.

11.0 TARikh KUAT KUASA

Dasar Kesukarelawanan ini adalah berkuatkuasa dari tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus Universiti.

12.0 RUJUKAN

- 11.1 Azizan Bahari (2006), *Menjadi Sukarelawan*, Petaling Jaya: Qarya Sdn.Bhd
- 11.2 Dasar Keselamatan Negara 2021 – 2025 oleh Majlis Keselamatan Negara
- 11.3 Garis Panduan Penganjuran Program Hubungan Masyarakat, Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- 11.4 Pelan Tindak Balas Kecemasan (ERP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- 11.5 Polisi Hubungan Masyarakat, Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia